

'Pentadbiran, perkhidmatan awam tidak terjejas'

Ogos 9, 2021 @ 7:04pm



CUEPACS

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) memberi jaminan jentera pentadbiran kerajaan tidak akan terjejas dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat walaupun berlaku kemelut politik ketika ini.

Presidennya, Adnan Mat, berkata sistem pentadbiran kerajaan pada dasarnya adalah terasing dengan sistem politik kepartian dan tidak akan terkesan dengan situasi semasa politik negara.

"Tahap profesionalisme penjawat awam adalah tinggi kerana kami semua sudah berikrar untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

"Walau apa pun tekanan dan cabaran dihadapi ketika ini, CUEPACS yakin penjawat awam mampu melaksanakan tanggungjawab masing-masing tanpa dipengaruhi situasi politik semasa," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Adnan berkata, pihaknya juga yakin kemampuan dan kebijaksanaan penjawat awam khususnya semua Ketua Setiausaha kementerian dan ketua jabatan untuk terus berkhidmat secara profesional walaupun terdapat peletakan jawatan menteri di beberapa kementerian baru-baru ini.

"Sebagai penjawat awam yang profesional dan neutral, kita tidak boleh dipengaruhi oleh unsur luar yang akan memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam," katanya.

Pada masa sama, Adnan berkata, CUEPACS berharap semua pemimpin parti politik dapat mencari titik persefahaman supaya negara kembali stabil dan pulih, selain tumpuan harus diberikan terhadap usaha mengekang penularan wabak COVID-19 dan pemulihan ekonomi negara.

"Titik persefahaman yang utama adalah dengan meletakkan rakyat sebagai keutamaan dalam apa juga tindak tanduk supaya tidak memberi kesan begitu ketara," katanya.

– BERNAMA